

Pangkalan data peluang tapis pemandu bermasalah

KUALA LUMPUR: Pangkalan data pemandu bas ekspres dan persiaran yang akan dibangunkan kerajaan membolehkan pengendali syarikat bas dapat menyaring pemandu dengan lebih teliti sekali gus mengurangkan risiko melantik pemandu bermasalah.

Pensyarah Fakulti Kejuruteraan Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof. Madya Dr. Law Teik Hua berkata, pangkalan data itu juga mampu meningkatkan ketelusan dan akauntabiliti terhadap tingkah laku pemandu bas

di jalan raya.

“Selain itu, ia juga dapat mencegah kemalangan atas faktor sikap pemandu. Dengan data yang boleh diakses dan dike-maskini, pihak berkuasa boleh mengenal pasti corak atau trend negatif lalu mengambil tindakan pencegahan awal seperti latihan tambahan atau penggantungan lesen.

“Pada masa sama, pangkalan data ini akan menjadikan pengurusan sumber manusia yang lebih baik. Dengan ini, syarikat boleh membuat keputusan

pengambilan berdasarkan merit serta rekod prestasi sebenar dan bukan hanya melalui temu duga,” katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Kelmarin, Kementerian Pengangkutan memaklumkan pangkalan data pemandu bas ekspres dan persiaran, lengkap dengan rekod lampau dan buruk mereka akan dibangunkan bagi tujuan penambahbaikan keselamatan pengangkutan awam darat.

Menterinya, Anthony Loke Siew Fook berkata, sistem itu akan dibangunkan Agensi Pen-

gangkutan Awam Darat (APAD) yang membolehkan syarikat bas menilai kelayakan serta latar belakang pemandu sebelum mereka diambil bekerja.

Mengulas lanjut, Teik Hua berkata, pangkalan data itu juga boleh menjadi pemangkin kepada pemandu bas bersikap bertanggungjawab atau platform untuk memperbaiki kesilapan.

“Pemandu menyedari bahawa rekod mereka sentiasa dinilai. Oleh itu pangkalan data ini juga perlu mewujudkan insentif untuk rekod baik. Con-

tohnya bonus, atau peluang kenaikan pangkat bagi pemandu berprestasi cemerlang.

“Bagi prestasi kurang cemerlang, proses pembetulan atau pemulihan perlu disediakan agar pemandu yang melakukan kesalahan kecil boleh diberi peluang untuk memperbaiki diri.

“Namun, keberkesanan sistem ini juga bergantung kepada pelaksanaan adil dan tidak berat sebelah serta ketersediaan latihan dan sokongan berterusan kepada pemandu,” katanya.